



MAQASID SYARIAH DALAM URUS-TADBIR

*Rabiatu Adawiah Binti Saat**, *Iqlima Binti Ibrahim*, *Nur 'Izzati Binti Mohd Salleh & Nurul Aida Binti Zuber*
rabiatusaat@gmail.com

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

ABSTRAK

Lima prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kelima-lima aspek ini merupakan keperluan hidup manusia pada setiap zaman. Masyarakat akan menghadapi isu-isu kekurangan, kepincangan dan perselisihan dalam mendapatkan, melindungi dan mengembangkan kelima-lima perkara tersebut. Ia perlu diurus dan ditadbir secara baik agar dapat memenuhi keperluan manusia secara lestari. Dalam konteks sesebuah negara, urus tadbir yang efisien diperlukan demi mengelakkan sebarang kemusnahan dan kemudharatan. Justeru, objektif penulisan ini adalah untuk mengenalpasti hubungan syariah dengan pentadbiran serta pengaplikasiannya dalam pentadbiran negara. Kajian yang berbentuk kualitatif ini akan menganalisis bahan-bahan kepustakaan demi mencerpap maqasid syariah yang umum dalam urus-tadbir. Kajian mendapati bahawa kelima-lima unsur maqasid memerlukan elemen urus-tadbir dengan baik demi memastikan ia wujud secara lestari. Ini melibatkan elemen meraih kemaslahatan termasuk memastikan keperluan hidup manusia dapat dipenuhi secara cekap, efisien dan lestari berdasarkan tuntutan Syariat Islam. Di samping itu mampu mendepani risiko kerosakan, pertelingkahan dan kemusnahan. Paling penting ia amat berkait dengan prinsip masalah ammah dan dijana melalui kaedah "tasarruf al-imam la al-raiyyah manut bil maslahah". Implikasi kajian menunjukkan bahawa aspek urus tadbir perlu sentiasa selari dengan Maqasid Syariah.

Kata kunci: Maqasid Syariah, Islam, pentadbiran, pengaplikasian, kemaslahatan

Pengenalan

Tajuk kepimpinan selalu menjadi suatu topik khas yang sering dibincangkan oleh para ilmuan dan sarjana-sarjana yang terlibat dalam bidang politik. Politik dan pentadbiran sering dikaitkan dengan Islam bahkan politik tidak boleh lari daripada agama kerana kedua-dua elemen ini saling lengkap melengkapi. Islam amat mementingkan kesejahteraan hidup umat manusia maka terhasillah prinsip-prinsip maqasid syariah. Lima prinsip maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Prinsip maqasid syariah yang pertama iaitu menjaga agama. Pemerintah perlu meletakkan kepentingan agama di tempat yang utama dan tertinggi. Kedua, pemeliharaan nyawa adalah memelihara nyawa dan menganggap bahawa nyawa adalah amanah daripada Allah SWT. Pemerintah bertanggungjawab mengelakkan pertumpahan darah dengan jalan yang tidak benar berlaku. Pemeliharaan akal bermaksud memberi perlindungan kepada akal manusia dari perkara-perkara yang akan merosakkan akal fikiran. Akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat. Seterusnya, konsep memelihara keturunan melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat. Apabila keturunan telah rosak maka struktur sosial akan menjadi kacau bilau. Selain itu, memelihara harta bermakna melindungi harta kekayaan daripada kehancuran dan dari peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah.

Perkataan *maqasid* berasal dari perkataan Arab iaitu *qasdun* yang bermaksud tujuan. Syariah pula bermaksud pandangan yang lurus. Maqasid syariah menurut Ahmad al-Raysuni ialah objektif-objektif yang mahu dicapai oleh syariat Islam untuk kepentingan hamba-hambanya ketika mensyariatkan sesuatu hukum.

Pengurusan ialah satu elemen penting di dalam mengendalikan mana-mana organisasi baik sebuah organisasi perniagaan ataupun organisasi bukan perniagaan. Jatuh bangun sesebuah organisasi, cemerlang ataupun tidak adalah bergantung kepada pengurusan yang cekap dan berkesan. Malah pengurusan yang cekap adalah perlu untuk kemajuan dan kemakmuran negara¹. Pentadbiran menurut Ibnu Khaldun ialah suatu kegiatan masyarakat dalam menguruskan hal-hal kemanusiaan, berkumpul dan bermatlamat. Maksud urus tadbir ialah urusan mengelola atau menjalankan sesuatu pejabat (kerajaan dll), tugas menguruskan sesuatu pemerintahan.

Maqasid syariah adalah sesuai digunakan sepanjang zaman dan sesuai juga kepada semua bidang. Maka, antara masalah atau isu yang ingin dikaji melalui kajian ini adakah sistem urus tadbir mempunyai hubungan dengan maqasid syariah. Kajian ini akan menilai tahap kefahaman manusia secara mendalam mengenai sistem urus

¹ Sabri HJ. Husin et al., Pengurusan, Singapura : Thomson Learning, 2004, h.1

tadbir dari perspektif maqasid syariah. Masih terdapat kesamaran dalam perbincangan sistem urus tadbir di negara kita, namun kajian ini akan memberi tumpuan khusus dalam isu berkaitan keupayaan pengaplikasian dan kaedah alternatif yang boleh diambil oleh pihak-pihak terlibat untuk menjamin kemaslahatan manusia sejagat.

Objektif kajian bagi penulisan ini adalah untuk mengenalpasti hubungan syariah dengan pentadbiran serta pengaplikasiannya dalam pentadbiran negara. Secara spesifik, objektif kajian ini adalah untuk memperjelaskan kefahaman tentang sistem urus tadbir dan hubungannya dengan maqasid syariah. Faktor yang menjadi ukuran mengenai sistem urus tadbir pada zaman *Khulafa' al-Rasyidin* menjadi hebat dalam kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia adalah kerana pentadbirannya yang berjaya membentuk dasar-dasar negara serta menitikberatkan kepentingan rakyat berdasarkan hubungan antara politik dan Islam yang berpandukan kepada maqasid syariah. Oleh itu, pengkaji ingin membuktikan bahawa sistem urus tadbir dan hubungannya dengan maqasid syariah ini benar-benar diaplikasikan dalam kalangan masyarakat.

Tinjauan Literatur

Tinjauan Literatur merupakan satu bentuk penulisan yang bertujuan untuk menunjukkan bagaimana anda membina pengetahuan sedia ada terhadap topik kajian. (Rudner dan Schafer, 1999).² Kajian mengenai maqasid syariah dan urus tadbir banyak didapati dalam buku-buku dan kajian-kajian ilmiah. Oleh itu, pengkaji telah merujuk beberapa buah ilmiah berkaitan isu kajian bagi tujuan kefahaman secara mendalam.

Menurut Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2015) dalam kajiannya yang bertajuk Aplikasi Maqasid al- Syariah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam telah membincangkan konsep maqasid syariah dalam penentuan hukum pentadbiran negara yang berpandukan kepada sistem pemerintahan *Khulafa' al- Rasyidin*. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa pentadbiran para sahabat r.a berjaya membentuk dasar-dasar negara berpandukan kepada maqasid syariah bagi menjamin

² Muhammad Yusuf Marlon Bin Abdullah, Tips dan Panduan Penulisan Proposal Penyelidikan, Selangor : Jabatan Dakwah Dan Pengurusan Akademi Islam KUIS, h.25

kemalahatan manusia.

Kajian Mohd Hapiz Mahaiyadin (2017) yang bertajuk Hubungan Maqasid Syariah dan *Siasah Syar'iyah* dalam Urus Tadbir menyatakan bahawa pentadbiran kerajaan hendaklah menitikberatkan kepentingan rakyat berdasarkan hubungan antara politik dan Islam. Kajian tersebut turut berkisar tentang hubungan maqasid syariah dengan penggubalan dasar kerajaan pada zaman *Khulafak al-Rasyidin* yang menjadikan *siasah syar'iyah* sebagai mekanisme penting dalam tadbir urus negara Islam.

Konsep Pengurusan Pentadbiran menurut Ajaran Islam karya Sohair Abdel Moneim Sery (1990) menjelaskan liku-liku kepimpinan dalam masyarakat manusia di Timur dan Barat yang amat penting untuk menjadi panduan kepada masyarakat masa kini. Buku ini menekankan konsep kepimpinan dan pentadbiran menurut ajaran Islam. Kepimpinan dalam Islam adalah kepimpinan kemahiran, boleh mengurus dengan segala kesan suasana sekeliling. Sesungguhnya pemimpin-pemimpin Islam dengan diketahuhi Rasulullah SAW telah memberi contoh tauladan yang sempurna dalam bidang kepimpinan dan pentadbiran.

Metodologi kajian

Metodologi kajian ialah kaedah yang akan digunakan untuk mengumpulkan dan menganalisis data³. Kajian ini adalah berbentuk satu kajian kualitatif. Bentuk kajian ini dipilih kerana pengkaji mudah untuk mengumpulkan maklumat serta dapat menumpukan perhatian yang lebih kepada kajian yang dilakukan.

Pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan dengan menghimpun maklumat – maklumat dan data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian hubungan maqasid syariah dengan urus tadbir.

Hasil dapatan dan perbincangan

Hasil dapatan

Bahagian ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang dijalankan

³ Panduan Penulisan Akademik, 2017, Terengganu : Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA, h.17

melalui kaedah analisis data-data daripada buku-buku ilmiah dan kajian-kajian yang dijalankan.

Antara hasil dapatan yang diperolehi ialah perkaitan di antara pentadbiran dengan maqasid syariah dan kesannya kepada manusia serta setiap urusan radbir yang dikendalikan hendaklah selari dengan maqasid syariah.

Hasil dapatan kajian ini menjelaskan bahawa hubungan maqasid syariah dengan urusan tadbir dapat dilihat apabila urusan pentadbiran menjadi lebih mudah kerana ia seiring dengan kepentingan masa kini. Hal ini kerana urusan pentadbiran tidak hanya dirujuk kepada al- Quran dan Sunnah sahaja bahkan ijtihad juga boleh digunapakai selagi tidak bertentangan dengan syarak. Dengan ini telah menunjukkan bahawa Islam itu fleksibel dan sesuai untuk digunakan sepanjang zaman dalam pelbagai urusan dan bidang.

Perbincangan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, lima prinsip maqasid syariah perlu menjadi asas kepada pembentukan sesebuah sistem pentadbiran. Hal ini bermakna segala selok belok pentadbiran samada pentadbiran negara mahupun pengurusan organisasi hendaklah berpandukan kepada nas dan ijtihad menggunakan prinsip-prinsip maqasid syariah bagi menjaga maslahat kepentingan semua pihak. Maka jelaslah bahawa langkah-langkah dan pendekatan yang dijalankan oleh kerajaan dan pemerintah hendaklah berlandaskan kepada acuan Islam bagi membaiki dan memperelok keadaan masyarakat dan mampu membawa rakyat kepada kebaikan dan menjauhi kemudaratan.

Kaedah *tasarruf al-imam ala al-raiyyati manutun bi al-maslahah* (pemikiran seorang pemimpin terhadap rakyatnya bergantung kepada kemaslahatan) yang diungkapkan oleh al- Imam Badr al-din al-Zarkashiy (w.794H) dengan lafaz tersebut sebenarnya berpandukan kepada pandangan al-Imam al-Shafi'iy (w. 204H) yang menyatakan lafaz *manzilatul wali min raiyatihi bimanzilahwali malul yatimi min malihi*. Wali (pemerintah) adalah pemegang amanah memelihara kepentingan (masalah) rakyat, sama seperti amanah penjagaan harta anak yatim yang harus diuruskan dengan

penuh tanggungjawab demi masalah mereka. Demikianlah kekentalan semangat kerakyatan dan kemaslahatan dalam pemerintahan Islam. Rakyat bagaikan anak yatim yang perlu dijaga, dilindungi dan disayangi; demikian pula dengan harta rakyat yang harus diandaikan sebagai harta anak yatim yang hanya boleh dibelanjakan untuk masalah dan kepentingan mereka. Demikianlah kaedah utama dalam politik Islam. Memang ia adalah kaedah, tetapi sebagaimana kaedah-kaedah fiqh lainnya, yang umumnya berpaksikan asas mencapai masalah dan menghindari mafsadah, semuanya terkait dengan maqasid al-shari`ah.

Kesimpulan

Urus tadbir merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam realiti urusan pentadbiran lebih-lebih lagi di dalam urusan pentadbiran negara. Pentadbiran serta pengurusan negara hendaklah berlandaskan kepada Islam dengan mengikuti al-Quran, Sunnah Rasulullah S.A.W dan ijtihad para ulama bagi membentuk sebuah negara yang sejahtera. Perkara ini sangat penting bagi menjalankan urusan tadbir dengan baik yang meliputi tatacara, struktur dan proses urusan yang berlaku dengan pelbagai pihak. Maka prinsip maqasid syariah yang lima iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dapat dicapai. Hubungan maqasid syariah dengan urusan tadbir sangat penting bagi memelihara kepentingan semua pihak. Maka, kajian ini menunjukkan bahawa aspek urusan tadbir perlu sentiasa selari dengan Maqasid Syariah.

Rujukan

- Abdul Karim Ali & Mohd Bazri Chik, (2013), *Maqasid Syariah Isu-Isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*, Persatuan Ulama' Malaysia Sdn Bhd, Selangor.
- Datin Sohair Abdel Monaeim Sery, *Konsep Pengurusan Pentadbiran menurut Ajaran Islam*, (1990), Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
- Dato' Dr. Siddiq Fadzil, (2014), *Memahami Maqasid Syariah, Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*, PTS Islamika Sdn. Bhd., Batu Caves: Selangor.
- Dr. Jasser Auda, *Memahami Maqasid Syariah*, (2014), PTS Publication House, Selangor.
- Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, (2014), *Maqasid Al-Syariah Satu Pengenalan Umum*, Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd, Selangor.
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman, (2015) *Aplikasi Maqasid al-Syariah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam*.
- Mohd Fikri Che Hussain, (2012), *Pengenalan Ilmu Maqasid Syariah*, Perniagaan Jahabersa Sdn. Bhd, Johor Bahru: Johor.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin, (2017) *Hubungan Maqasid Syariah dan Siasah Syar'iyah dalam Urus Tadbir*, Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang.
- Muhammad Yusuf Marlon Bin Abdullah, *Tips & Panduan Penulisan Proposal Penyelidikan*, Jabatan

Dakwah Dan Pengurusan Akademi Islam KUIS, Selangor.

Panduan Penulisan Akademik, (2017), Kuala Terengganu: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA.

Sabri Hj Hussin, Raida Abu Bakar, Mohd. Radzuan B. Rahid, Ruhana Busu, (2004), Pengurusan, Thomson Learning, Singapore.

Wan Mohd Nasir Bin Wan Abd Wahab, (2011), Maqasid Syariah Cabaran dan Penyelesaian dalam Merealisasikan, Telaga Biru Sdn Bhd, Selangor.